

**"Kumpulan berkenaan memulakan kajian itu sejak 30 tahun lalu dan saya menyertainya apabila menyambung pengajian PhD dalam Fizik Material"**  
Hafizah Noor Isa

# SAINTIS GRAVITI DIKTIRAF

■ Penerima Anugerah Khas Sambutan Hari Belia Negara 2016 rancang eksperimen untuk kebaikan rakyat

Meor Riduan Meor Ahmad  
mriduan@hmetro.com.my

Serdang

**S**aya sememangnya merancang untuk buat satu eksperimen untuk kebaikan rakyat. Insya-Allah, semuanya dibuat bila tamat pengajian nanti," kata Hafizah Noor Isa, 29, yang juga pelajar Ijazah Doktor Fal-safah (PhD) Fizik Material di Universiti Glasgow, United Kingdom.

Anak jati Machang, Kelantan itu memenangi Anugerah Khas pada Sambutan Hari Belia Negara 2016 diadakan di Dewan Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini, semalam.

Ia susulan kejayaannya membuktikan teori gelombang graviti yang diramal kewujudannya oleh Albert Einstein pada 1915 apabila menyertai pasukan yang menyiapkan kertas saintifik Permerhatian Ke Atas Gelombang Graviti Daripada Penggambungan Dwi Lubang Hitam di universiti berkenaan.

"Kumpulan berkenaan memulakan kajian itu sejak 30 tahun lalu dan saya menyertainya apabila menyambung pengajian PhD dalam Fizik Material.

"Kertas kerja berkenaan dibuat secara berkumpulan dan saya anggap kemanangan ini untuk kumpulan dan bukan saya seorang," kata-

nya.

Beliau ditemui selepas menerima piala, sijil dan replika cek RM10,000 disampaikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, semalam.

Hadir sama, Menteri Belia dan Sukan Khairy Jamaludin Abu Bakar.

Menurut Hafizah, dia sememangnya terkejut dan tidak menyengka terpilih menerima anugerah itu berserta piala, sijil dan wang tunai RM10,000.

"Saya dimaklumkan mengenai kemenangan ini sebulan lalu. Memang saya terkejut kerana saya rasa ramai lagi layak untuk menerima anugerah ini atas sumbangan dan jasa mereka.

"Diikutkan saya tidak begitu aktif dalam kegiatan belia, dan hanya terbit di peringkat Universiti Teknologi Malaysia (UTM)," katanya yang akan berkhidmat dengan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA), kelak.

Pada majlis sama, Mohd Syahbuddin Hashim, 36, dan B Vanita, 38, masing-masing menyertai Anugerah Perdana Be-

Negara kategori pertubuhan pula dimenangi Gerakan Belia 4B (M) Baling, Kedah atas pencapaian cemerlang termasuk mempunyai taman pelancongan, membangunkan laman web dan media sosial dengan baik serta mempunyai projek ekonomi berjaya seperti penanaman cendawan, seawan tapak belia atau bazaar serta inap desa.

ANTARA aktiviti 'Streets Workout' pada Sambutan Hari Belia Negara 2016.



HAFIZAH dan Hazrul Hafizi ketika Sambutan Hari Belia Negara 2016 di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, UPM Serdang.

» Kerajaan akan menyalurkan RM10 juta iaitu tahun ini RM5 juta, tahun depan RM5 juta lagi

AHMAD Zahid merasmikan Sambutan Hari Belia Negara 2016. Turut bersama Khairy.

## Kerajaan lulus peruntukan RM10 juta kepada MBM

**Serdang:** Kerajaan meluluskan peruntukan RM10 juta kepada Majlis Belia Malaysia (MBM) bagi menggerak dan memperkasa pelbagai program belia di negara ini.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi mengumumkan peruntukan itu ketika berucap merasmikan Sambutan Hari Belia Negara 2016 di Dewan Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini, semalam.

Menurutnya, peruntukan berkenaan akan disalurkan secara berperingkat bagi menampung dana Kementerian Belia dan Sukan dan MBM.

"Saya difahamkan KBS dan MBM kekurangan duit (tapi) belia bersemangat untuk buat aktiviti."

"Dengan ini saya mengumumkan, MBM akan mengaturkan program dengan memberikan peruntukan kepada majlis belia negeri seluruh negara. MBM mesti prihatin kepada majlis belia negeri dan semua badan gabungan."

"Ertinya kepimpinan belia akan diserahkan pada tahun berkenaan hanya kepada mereka yang berumur 30 tahun ke bawah. Dengan dasar belia baharu ini, komponennya hendaklah mengambil kira program belia di bawah 30 tahun."

"Saya juga ingin menyatakan turut melancarkan Buku Tokoh Belia Milenia dan kemudahan WiFi percuma bermula untuk belia UPM."

Hadir sama, Menteri Belia dan Sukan Khairy Jama-

“  
Saya mengumumkan, MBM mengaturkan program-program dengan memberikan peruntukan majlis belia negeri seluruh negara. MBM mesti prihatin kepada majlis belia negeri dan semua badan gabungan”

Ahmad Zahid

uddin Abu Bakar dan timbalannya Datuk M Saravanan, Naib Canselor UPM Prof Datuk Paduka Dr Aini Ideris dan Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Mu'ammar Ghadafi Jamaludin.

Ahmad Zahid berkata, sejauh perubahan dasar belia negara, mulai 2018 had umur kategori belia diturunkan kepada 30 tahun.

Dalam perkembangan lain, Ahmad Zahid berkata, kerajaan menyambut baik Indeks Belia Negara 2015 yang disifatkan dapat menjadi penanda aras pelan tinjauan pembangunan belia untuk mengukur kesejahteraan hidup di Malaysia secara berkala dan sistematis.

Pada majlis sama, beliau turut melancarkan Buku Tokoh Belia Milenia dan kemudahan WiFi percuma bermula untuk belia UPM.



Tabung Usahawan Belia Malaysia (TUBM). Dengan adanya tabung ini iaitu dananya mungkin dipegang oleh institusi kewangan dan beberapa agensi lain, kita harap dapat memperkasa KBS untuk menjadi payung kepada seluruh persatuan-persatuan.

"Saya ingin mencadangkan menerusi tabung ini, kerajaan memperturunkan sekurang-kurangnya RM500,000," katanya sambil menambah peruntukan diharap dapat meningkatkan semangat dan pembaritan usahawan belia.

Sementara itu, beliau me-lahirkan penghargaan kepada UPM yang menyediakan tempat untuk acara sambutan itu biarpun agak terbatas dan memaklumkan tahun depan program itu akan diadakan semula di Putrajaya.

Ahmad Zahid berkata, sejauh perubahan dasar belia negara, mulai 2018 had umur kategori belia diturunkan kepada 30 tahun.

Dalam perkembangan lain, Ahmad Zahid berkata, kerajaan menyambut baik Indeks Belia Negara 2015 yang disifatkan dapat menjadi penanda aras pelan tinjauan pembangunan belia untuk mengukur kesejahteraan hidup di Malaysia secara berkala dan sistematis.